



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 1/2024**

**29 JANUARI 2024 | ISNIN**

**10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**  
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.1/2024** bagi bulan **Januari** pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. UCAPAN SEMPENA TAHUN BAHARU 2024**

- 1.1 Alhamdulillah, kita masih dikurniakan umur yang panjang dan kesihatan yang sejahtera untuk melangkah ke tahun baharu ini. Pada saban tahun, kita menyambut tahun baharu dengan menilai semula kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang dilalui sepanjang tahun 2023.
- 1.2 Bagi tahun baharu 2024, keutamaan MPS adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Selayang.
- 1.3 Selain itu juga, saya percaya warga kerja MPS serta tuan-tuan dan puan-puan semua telah pun bertungkus lumus dalam melaksanakan semua perancangan dan program yang telah direncanakan sepanjang tahun 2023. Jadi, saya berharap pada tahun 2024 ini kita semua dapat terus melipat gandakan usaha dan meningkatkan perkhidmatan masing-masing demi nama baik dan imej MPS.

## **2. PELANTIKAN AHLI MAJLIS MPS PENGGAL 2024 - 2025**

- 2.1 Seperti semua sedia maklum, pada 18 Januari yang lalu, seramai 22 orang Ahli Majlis telah dilantik bagi penggal 2024 - 2025 ini.
- 2.2 Sekali lagi, saya selaku Yang Dipertua MPS ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Majlis penggal baharu yang telah dilantik semula dan juga lantikan baharu oleh parti dan kerajaan untuk memikul amanah sebagai Ahli Majlis.
- 2.3 Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada mantan Ahli-Ahli Majlis yang telah memberi perkhidmatan dengan cemerlang pada penggal yang lepas.
- 2.4 Seperti amanat saya yang lepas, sekali lagi saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik untuk melaksanakan tanggungjawab walau di mana kawasan yang ditetapkan. Sifat toleransi dan saling bekerjasama amat penting kerana anda semua membawa nama MPS di mata masyarakat

### 3. JUMLAH PENDAPATAN MPS

3.1 Sehingga **31 Disember 2023**, pendapatan Majlis mencatatkan jumlah sebanyak **RM249,915,612**. Jumlah ini merupakan 125% dari Anggaran Pendapatan Majlis 2023.

### 4. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

4.1 Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak **RM109.12 juta (95.07%)** daripada **RM114.78 juta**.

4.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak **RM8.98 juta (74.88%)** berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak **RM12 juta**.

4.3 Setelah tamat notis caj lewat pada **15 Oktober 2023**, MPS telah melaksanakan tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak **RM100.00** dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Sebanyak **31,303 keping** waran telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2023. Pemilik dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh 7 hari setelah waran dilaksanakan bagi mengelakkan tindakan sitaan harta alih diambil.

4.4 Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.

## **5. PERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS**

5.1 MPS juga telah menaiktaraf portal [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my) bagi peniaga-peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan serta perancang.

5.2 Disamping itu, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran kompaun di portal MyMPS. Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Disember 2023 adalah seperti berikut:

- Lesen perniagaan sebanyak RM 7,584,841.55 – 9,830 transaksi
- Sewaan gerai sebanyak RM 292,712.00 - 856 transaksi
- Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 100,432.00 - 49 transaksi
- Kompaun sebanyak RM44,025.00– 708 transaksi

## **6. JUALAN PERMIT TAPAK DAN SAMBUTAN PERAYAAN THAIPUSAM**

- 6.1 MPS juga telah mengadakan penjualan permit dan undian tapak niaga sempena sambutan perayaan Thaipusam pada 18 Januari 2024 bertempat di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak, Batu Caves.
- 6.2 Sebanyak 229 petak ditawarkan pada tahun ini dengan keluasan 10' x 10' kaki dan saya dimaklumkan sebanyak 221 petak telah terjual pada hari tersebut dengan jumlah kutipan hasil sebanyak RM 56,300.00.
- 6.3 Sambutan Perayaan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024 juga telah diadakan di Batu Caves pada 24 Januari 2024 dan dihadiri oleh YAB Dato' Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.
- 6.4 Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan yang terlibat dalam penyelarasan sebelum dan selepas program berlangsung dari segi penyediaan logistik, kawalan dan persiapan bagi menjayakan sambutan pada tahun ini.

## **7. PENGHARGAAN KEPADA URUS SETIA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023**

7.1 Alhamdulillah, pada 19 Januari 2024 yang lepas, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS 2023 telah berlangsung dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua barisan urus setia yang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan majlis tersebut.

7.2 Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan semoga lebih terus cemerlang dalam menjalankan tugas pada masa-masa akan datang.

## **8. PROGRAM 'SPRING CLEANING' SEMPENA TAHUN BAHARU CINA 2024**

8.1 Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama KDEB Waste Management (KDEBWM) telah mengadakan Program '*Spring Cleaning*' pada 27 hingga 28 Januari 2024 sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang akan disambut tidak lama lagi.

8.2 Sebanyak 10 unit tong RORO di 10 buah lokasi iaitu di Kampung Sungai Terentang, Kampung Lee Kim Sai, Kampung Sungai Bakau, Batu Arang (Simpang Utara),



Kampung Desa Aman, Jalan SJ 24 Taman Selayang Jaya, Jalan 19 Taman Sri Melati, Taman Daya (Tepi Padang), Desa Jaya dan Gelanggang Bola Keranjang Jalan 17 Kampung Selayang Baru.

- 8.3 Penganjuran program ini merupakan inisiatif berterusan bagi sambutan perayaan utama bagi membantu orang ramai membuang sampah pukat seperti perabot terpakai dan peralatan elektrik di dalam tong RORO yang telah disediakan oleh MPS.

## **9. UCAPAN SELAMAT TAHUN BAHARU CINA**

- 9.1 Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua Ahli Majlis yang menyambutnya. Semoga sambutan tahun ini membawa kemakmuran, kegembiraan dan kebahagiaan kepada anda sekeluarga.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.